

KAD KREDIT HONG LEONG

PERADUAN “WIN SAMSUNG GALAXY NOTE 9 WITH 0% EXTENDED PAYMENT PLAN”

TEMPOH PERADUAN

“Win Samsung Galaxy Note 9 With 0% EPP” (“Peraduan”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 15 Oktober 2018 jam 00:00:00 (12:00 tengah malam) dan berakhir pada 31 Disember 2018 jam 23:59:59 (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Peraduan"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Peraduan (“T&C”):-

KELAYAKAN

1. Peraduan terbuka kepada semua Pemegang Kad Utama Kad Kredit yang berbelanja melalui “0% Extended Payment Plan” (“EPP”) mulai 15 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018.
2. Individu berikut TIDAK layak menyertai Peraduan:
 - (a) Pemegang Kad Debit HLB Debit;
 - (b) Pemegang Kad Kredit HLB yang dikeluarkan di luar Malaysia;
 - (c) Pemegang Kad Kredit Korporat HLB;
 - (d) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB yang sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit bermasalah; dan
 - (e) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Peraduan.

TATA CARA PERADUAN

3. Untuk menyertai dalam Peraduan ini, Pemegang Kad Kredit Utama Hong Leong haruslah menukarkan pembelian mereka kepada EPP semasa Tempoh Peraduan (“Pemegang Kad Layak”) untuk mendapatkan kelayakan penyertaan (“Kelayakan Penyertaan”) dan berpeluang untuk memenangi hadiah seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 4.

4. Kelayakan Penyertaan dan Hadiah:

Bil. Pemenang	Hadiah	Kelayakan Penyertaan
Sepuluh (10) pemenang	Satu (1) unit SAMSUNG GALAXY NOTE 9 (128GB) bagi setiap pemenang.	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang Kad Layak akan mendapat satu (1) kelayakan penyertaan bagi setiap transaksi EPP. Tiada had bagi jumlah kelayakan penyertaan untuk Pemegang Kad Layak.

5. Bagi mengelakkan kekeliruan, transaksi EPP yang dilakukan oleh Pemegang Kad Utama dan Tambahan akan digabungkan untuk pengiraan Kelayakan Penyertaan.

0% EXTENDED PAYMENT PLAN (“EPP”)

- EPP adalah terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Utama dan Tambahan HLB (“Pemegang Kad”).
- EPP adalah kadar faedah 0% Extended Payment Plan yang ditawarkan oleh Peniaga.
- EPP disediakan kepada Pemegang Kad yang Akaun Kad Kredit adalah dalam kedudukan yang baik (tidak ingkar) pada masa permohonan EPP.
- Pemegang Kad dibenarkan untuk memohon sehingga maksimum 80% daripada had kredit gabungan Pemegang Kad untuk transaksi EPP, tanpa mengira bilangan kad kredit yang dipegang.
- Pemegang Kad boleh memilih tempoh EPP yang hanya terpakai kepada pelan yang ditawarkan oleh Peniaga, sama ada pelan 3, 6, 12, 18, 24 atau 36 bulan.
- Pemegang Kad yang menggunakan peningkatan sementara dalam jumlah had kredit Kad Kredit untuk transaksi EPP akan dikenakan bayaran tambahan selepas tamat tempoh peningkatan had kredit sementara jika terdapat apa-apa bayaran tertunggak dalam had kredit kekal mereka.
- Pemegang Kad daripada EPP boleh membuat (a) bayaran penuh ansuran bulanan yang dinyatakan pada masa EPP dimeterai, yang biasanya pada masa pembelian, atau seperti yang dinyatakan dalam penyata kad kredit bulanan, atau (b) pembayaran sebahagian ansuran bulanan.
- EPP tidak dikenakan faedah hanya jika Pemegang Kad menjelaskan ansuran bulanan sepenuhnya.
- Dalam kes-kes di mana Pemegang Kad memilih untuk membayar jumlah minimum lima peratus (5%) daripada baki belum dibayar di bawah EPP atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), yang mana lebih tinggi, daripada ansuran bulanan sepenuhnya, Pemegang Kad akan bertanggungjawab bagi caj faedah ke atas baki tertunggak.
- Kegagalan mematuhi klausa 13 dan 14 akan menyebabkan Pemegang Kad tertakluk kepada faedah ke atas baki tertunggak.
- Jika pada bila-bila masa Akaun Kad Kredit Pemegang Kad digantung atau ditamatkan, kadar faedah 0% EPP akan ditarik balik dan kadar faedah runcit lazim akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak sehingga selesai pembayaran.
- HLB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan, kerosakan atau rosak atau ada kaitan dengan mana-mana pertikaian oleh Pemegang Kad dengan Peniaga. Walau apa pun pertikaian antara Pemegang Kad dan Peniaga, Pemegang Kad akan terus membayar jumlah bulanan sepertimana Penyata kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad.

PEMILIHAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

18. Selepas berakhir Tempoh Peraduan, dua puluh (20) Pemegang Kad Layak dengan Kad Kredit HLB yang aktif akan dipilih secara rawak oleh HLB dan/atau sistem vendor yang dilantik secara rasmi berdasarkan Kelayakan Penyertaan ("Pemegang Kad Disenarai Pendek") dan berpeluang untuk memenangi Samsung Galaxy Note 9 (128GB) ("Hadiah"). Terdapat sebanyak sepuluh (10) unit Hadiah untuk dimenangi dalam Peraduan ini. Warna Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan dan Pemegang Kad Disenarai Pendek tidak boleh memilih warna Hadiah.
19. Sepuluh (10) Pemegang Kad Disenarai Pendek pertama akan dihubungi oleh HLB atau Pengurus Peraduan yang dilantik, Dynamic Search Sdn Bhd (136.574-V) ("Dynamic Search") atas usaha terbaik sebanyak DUA KALI dalam sehari pada bila-bila masa pada waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 6:00 petang) di nombor telefon terkini yang dirakam dalam sistem HLB untuk menjawab **SATU (1)** soalan.
20. Jika HLB atau Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Disenarai Pendek selepas dua (2) percubaan atau Pemegang Kad Disenarai Pendek gagal menjawab telefon selepas lima (5) deringan atau gagal memberikan jawapan yang betul bagi apa-apa sebab sekalipun, Pemegang Kad Disenarai Pendek dianggap telah terlepas peluang untuk memenangi Hadiah dan HLB dan/atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih Pemegang Kad Disenarai Pendek lain apabila perlu.
21. Pemegang Kad Disenarai Pendek yang berjaya menjawab soalan dengan betul akan dianggap sebagai Pemenang Hadiah ("Pemenang").
22. Pengumuman Pemenang akan dibuat di laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dan/atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh HLB dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Peraduan ("Tempoh Pemberitahuan"). Wakil yang dilantik HLB, PCM Perfect Marketing Sdn Bhd (821135-X) ("PCM") akan menghantarkan Hadiah kepada Pemenang masing-masing ke alamat surat-menyurat terkini mereka (direkodkan dalam sistem HLB) dalam tempoh empat (4) minggu dari penghujung Tempoh Pemberitahuan.
23. Sekiranya tidak menerima Hadiah, Pemenang perlu menghubungi Talian Khidmat Pelanggan HLB di 03-7626 8899 selewat-lewatnya pada 30 April 2019 untuk meminta siasatan. Tiada sebarang pertanyaan akan dilayan selepas 30 April 2019.

AM

24. Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak haruslah sah/aktif, dalam kedudukan yang baik dan tidak melanggar mana-mana T&C ini dan Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian Pemegang Kad") pada setiap masa pada ketika pemilihan Pemenang dan sehingga masa penghantaran Hadiah.
25. Dengan menyertai Peraduan ini, Pemegang Kad Layak:
 - a) Setuju telah membaca, memahami dan untuk terikat dengan T&C ini dan Perjanjian Pemegang Kad;

- b) Bersetuju dan memberi kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka (iaitu nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada Dynamic Search yang dilantik oleh HLB untuk tujuan Peraduan ini;
 - c) Memberi kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, Kad Pengenalan Pendaftaran Negara ("KP") nombor (dalam bentuk terlindung) dan/atau gambar dalam laman web HLB;
 - d) Bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Layak. Tiada rayuan atau surat menyurat akan dilayan;
 - e) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C ini dan Perjanjian Pemegang Kad untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada T&C dan Perjanjian Pemegang Kad;
 - f) Bersetuju bahawa T&C ini dan Perjanjian Pemegang Kad akan dibaca bersama sebagai perjanjian keseluruhan dan jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Pemegang Kad, T&C khusus ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
26. HLB berhak untuk:
- a) Membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Peraduan ini atas apa jua sebab sebagaimana HLB menurut budi bicara mutlak yang dianggap wajar;
 - b) Menggantikan Hadiah dengan produk-produk lain yang sama nilainya dengan cara hantaran di Laman Web HLB atau apa-apa cara lain yang HLB anggap praktikal, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak;
 - c) Menambah, memadam atau meminda T&C, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Peraduan ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan T&C atau penggantungan atau penamatan Peraduan ini.
27. HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah. Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pembekal dan/atau pengilang bagi semua maklumat waranti.
28. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam sebarang bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah.
29. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit, cek dan/atau manfaat bukan tunai.
30. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&C ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan berkaitan dengan Peraduan ini, T&C akhir di Laman Web HLB akan diguna pakai.
31. T&C ini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.